

3.8.2021_Berita Harian_MOSTI_ kes jangkitan Harian dijangka menurun dalam tempoh seminggu lagi

Kes jangkitan harian dijangka menurun dalam tempoh seminggu lagi

Oleh Rafidah Mat Ruzki
dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dijangka terus mencatatkan angka jangkitan harian yang tinggi dalam tempoh sekurang-kurangnya seminggu lagi.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata pihaknya berharap selepas tempoh itu, kes harian COVID-19 akan menurun.

“(Persoalan) sama ada kita sudah mencapai kemuncak (paras tertinggi) kes atau sebaliknya, saya fikir kita akan mencapai kemuncak di Lembah Klang dalam tempoh seminggu dua ini.

“Kita berharap akan ada penurunan kes selepas itu,” katanya pada sidang media mingguan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) secara maya, semalam.

Sabtu lalu, negara merekodkan jumlah kes harian tertinggi dengan 17,786 kes positif, menjadikan jumlah kes keseluruhan mencecah 1,113,272 kes positif COVID-19, sejak Januari tahun lalu.